

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana mengatasi masalah kekurangan kakitangan perubatan dan alat-alat perubatan di Hospital SibU. Nyatakan jumlah dana yang disalurkan ke Hospital SibU pada tahun 2020 dan 2021 untuk mengatasi wabak COVID- 19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital SibU merupakan sebuah Hospital Pakar Major. Pada masa ini, terdapat seramai 1,853 anggota lantikan tetap yang berkhidmat di hospital berkenaan iaitu pengisian sebanyak 94.5% berbanding 1,961 perjawatan yang diluluskan. Hospital ini juga turut menempatkan seramai 426 anggota lantikan kontrak menjadikan jumlah keseluruhan anggota yang berkhidmat di Hospital SibU seramai 2,279 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 268 merupakan Pegawai Perubatan termasuk Pakar Perubatan lantikan tetap. Selain itu, terdapat seramai 279 Pegawai Perubatan lantikan kontrak serta 714 Jururawat lantikan tetap dan 51 lantikan kontrak.

2. KKM sentiasa menitikberatkan penyampaian perkhidmatan bagi keperluan penduduk SibU dimana KKM melaksanakan lawatan Pakar dari pelbagai bidang kepakaran. Pada masa ini sebanyak 27 subkepakaran

SOALAN NO : 22

yang disediakan di Hospital Sibul melalui lawatan Pakar dari pelbagai hospital di negeri Sarawak dan juga Hospital Kuala Lumpur.

3. Semasa pandemik COVID-19, Hospital Sibul juga telah menyumberluar perkhidmatan perubatan ke hospital swasta yang mana sebanyak RM2.47 juta telah dibelanjakan bagi tujuan ini melibatkan 886 rawatan atau prosedur pembedahan dan bukan pembedahan.

4. Bagi memperkukuhkan peralatan perubatan di Hospital Sibul, KKM telah memperuntukan sejumlah RM12,140,762 kepada Hospital Sibul bagi perolehan peralatan perubatan sepanjang tempoh 2020 sehingga Oktober 2021 mengikut keutamaan pihak hospital dan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak. Peralatan ini termasuklah peralatan perubatan yang diperlukan dalam menangani wabak COVID-19 di Hospital Sibul. Antara peralatan yang telah diperolehi bagi adalah ventilator, *High Flow Nasal Cannula (HFNC)*, mesin Hemodialisis, Mesin *Continuous Renal Replacement Therapy (CRRT)*, *Ultrasound*, *Incubator* dan lain-lain lagi.

5. Selain itu KKM juga telah melaksanakan kerja naik taraf Hospital Sibul bagi pengurusan COVID-19 termasuk pembinaan ICU modular dan hospital medan yang dengan perbelanjaan sebanyak RM 4,568,685.00.

6. Di bawah RP1, RMK-12 pula, KKM telah memperuntukkan sebanyak RM24,295,267.00 di bawah peruntukan pembangunan untuk Hospital Sibul.

7. KKM akan sentiasa memantau keperluan dalam penambahan atau penggantian peralatan dan juga menaik taraf hospital ini dari masa ke semasa agar perkhidmatan kesihatan di hospital ini tidak akan terjejas.

Sekian, terima kasih.